

19/03/1997

Program hutan semula 10,000 hektar

Rosli Abd Jalil

TEMERLOH, Selasa - Kerajaan negeri bersetuju memperuntukkan tanah seluas 10,000 hektar bagi program penanaman semula pokok hutan, tahun ini, bagi menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menanam lebih banyak pokok.

Justeru, Jabatan Perhutanan akan diminta mengenal pasti kawasan itu selain merangka satu garis panduan sesuai untuk melaksanakan program berkenaan bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan negeri, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak, berkata garis panduan itu akan dikeluarkan selepas cadangan mengenainya dibentangkan dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri.

"Pada peringkat permulaan, kerajaan negeri bersetuju memperuntukkan tanah seluas 10,000 hektar sebagai projek percubaan.

"Antara jenis pokok yang akan ditanam ialah sentang, jati dan beberapa pokok hutan yang boleh dijadikan balak apabila sudah matang," katanya di sini, hari ini.

Tan Mohd Aminuddin berkata, program perhutanan semula itu adalah satu daripada usaha kerajaan negeri untuk memastikan sumber hutan Pahang tidak pupus.

"Melalui program itu juga, pokok yang ditebang akan diganti dengan pokok baru yang boleh mendatangkan hasil pada masa akan datang," katanya.

Program itu terbuka kepada individu dan pihak swasta yang berminat serta mempunyai modal.

Setakat ini, kerajaan sudah menerima beberapa permohonan tetapi belum meluluskannya kerana garis panduan itu belum siap.

Beliau juga mengingatkan mereka yang berminat dengan program itu supaya tidak terburu-buru melaksanakan penanaman pokok sentang untuk tujuan mendapatkan hasil.

Sebaliknya, mereka perlu mendapatkan kajian teknikal kerana belum ada bukti menunjukkan pokok sentang sesuai ditanam di negeri ini seperti terjadi kepada pokok pine dan acacia mangium yang satu ketika dulu dipercayai dapat menampung pokok hutan yang ditebang.

Bagaimanapun, Tan Mohd Aminuddin berkata, penanaman pokok itu tidak sesuai dengan cuaca di negeri ini menyebabkan tidak mendatangkan hasil sebagaimana dijangka.

"Program perhutanan semula yang dirancang oleh kerajaan boleh dijadikan contoh," katanya.

(END)